

**UCAPAN OLEH YABHG TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KAJIAN
PEMBANGUNAN
OLEH UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK DI UNIMAS, SARAWAK
PADA 2 OKTOBER 2004**

Terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana kesudian Universiti Malaysia Sarawak menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kajian Pembangunan kepada diri saya. Saya amat menghargai anugerah ini kerana ia membuktikan budaya membalas budi yang dijunjung tinggi oleh kita semua. Apabila kita amal budaya menggigit jari yang menyuap mulut kita, maka akan rosaklah masyarakat, akan tidak tenteramlah negara. Saya percaya anugerah ini ialah sebagai balasan kepada peranan yang sedikit yang dimainkan oleh saya dalam penubuhan universiti ini. Alhamdulillah.

2. Walaupun Ijazah Kehormat yang dianugerahkan kepada saya ialah berkenaan pembangunan tetapi ingin saya berhujah sedikit berkenaan dengan institusi Universiti, kerana adanya Universiti Malaysia Sarawak ini menandakan satu langkah yang besar bagi negeri Sarawak dalam bidang pelajaran dan perkembangan ilmu.

3. Demikian juga pengenalan universiti sebagai puncak kepada sistem pelajaran di negara kita Malaysia. Ia adalah langkah yang besar dalam usaha kita meningkatkan penguasaan ilmu di kalangan rakyat kita, penguasaan yang begitu penting untuk membangunkan negara kita, melengkapkannya dengan keupayaan bersaing dalam dunia yang semakin mencabar ini. Daripada sebuah universiti yang ditubuh pada tahun-tahun akhir kita dijajah, sekarang kita mempunyai 17 buah universiti awam, beberapa kolej-kolej universiti yang bakal menjadi universiti selain daripada universiti-universiti milik swasta.

4. Kita boleh berbangga dengan pembangunan yang dicerminkan dengan tertubuhnya universiti-universiti ini. Tetapi kita harus berjaga-jaga. Kita harus tentukan universiti-universiti ini tidak menjadi kilang ijazah, yang mengeluarkan ijazah dengan mudah tanpa menentukan kualiti, tanpa mengambilkira keperluan negara. Kita harus ingat ada negara-negara maju yang mempunyai universiti yang menjual ijazah. Janganlah dalam keghairahan rakyat untuk memiliki ijazah, kita abaikan penguasaan ilmu yang memberi nilai dan makna kepada ijazah yang dimiliki.

5. Kualiti ilmu yang di kembangkan oleh universiti amatlah penting. Walaupun sukatan ilmu mungkin sama tetapi kualiti mungkin berbeza. Kita dapati ada universiti di negara-negara maju yang terkenal kerana kualiti ilmu yang dikuasai oleh pemegang ijazahnya. Ada pula universiti tertentu yang pemegang ijazahnya menjadi begitu terkenal kerana mendapat hadiah-hadiah yang dihormati seperti Hadiah Nobel dan lain-lain hadiah ilmiah. Ada pemegang ijazah yang terkenal kerana menulis kertas-kertas penyelidikan dan buku-buku yang menerokai bidang-bidang tertentu.

6. Di zaman ini tuntutan pelajaran ke peringkat universiti sudah menjadi perkara biasa kepada rakyat negara-negara maju atau yang mengejar kemajuan. Dan ini memanglah baik untuk mana-mana negara. Tetapi kita juga perlu tentukan ilmu yang

dituntut adalah relevan dengan tugas dan tanggungjawab individu dalam masyarakat. Adalah satu pembaziran apabila kita dapati yang berijazah bekerja sebagai buruh kasar yang langsung tidak ada kena-mengena dengan ilmu yang ada padanya. Adalah lebih baik jika mereka yang akan bekerja dalam bidang tertentu memiliki kecekapan yang diperlukan. Sesungguhnya kita perlu kepada pekerja yang cekap walau apapun kecekapan yang diperlukan. Mereka yang cekap dalam kerja tangan umpamanya boleh menghasilkan sesuatu yang menyumbang kepada kualiti pembangunan negara. Mereka ini perlu diiktiraf dengan sijil-sijil yang bertaraf tinggi yang akan memberi kepadanya nilai tinggi dalam pasaran pekerjaan.

7. Ilmu memang penting bagi seseorang individu, bahkan bagi sesuatu masyarakat atau bangsa. Tetapi penguasaan ilmu perlu diimbangi dan disertai oleh pegangan dan pengamalan nilai-nilai hidup yang mulia. Penjenayah yang berilmu tidak mungkin menyumbang kepada kebahagiaan dan pembangunan masyarakat, bahkan kepada dirinya. Kerosakan yang boleh dilakukan oleh penjenayah yang berilmu adalah lebih buruk daripada penjenayah biasa.

8. Justeru itu universiti seperti juga sekolah rendah dan menengah perlu memupuk nilai-nilai yang mulia secara sistematik. Jika tidak mereka yang mendapat tempat dalam universiti tidak akan menghargainya. Dahulu mereka yang mendapat tempat di universiti menganggap diri mereka bernasib baik. Justeru itu mereka tumpukan sepenuhnya kepada penguasaan ilmu.

9. Sekarang, di zaman mass education, yang mana seberapa ramai yang mungkin akan di beri tempat di universiti, perasaan bahawa ia merupakan satu nikmat sudah berkurangan. Dengan itu masa di universiti tidak lagi dihargai dan tumpuan diberi kepada kegiatan lain, seperti kononnya berusaha untuk memperbaiki keadaan sosial dan politik dalam masyarakat. Tidaklah salah berusaha untuk kebaikan sosial dan politik, tetapi ini perlu dibuat dengan perbelanjaan sendiri. Di universiti, penuntut, samada yang membayar yuran atau tidak, dibiayai dengan wang rakyat kerana kepercayaan rakyat bahawa penuntut akan dapat belajar, menguasai ilmu dan menjadi warganegara yang berguna. Adalah satu pembaziran jika penuntut tidak belajar tetapi menghabiskan masa dengan kegiatan lain.

10. Akibatnya ialah wang yang banyak yang dibelanjakan untuk mengadakan universiti akan menjadi sia-sia dan masyarakat tidak akan dapat hasil yang diharapkan daripada pelaburan yang dibuat oleh mereka. Penuntut yang sanggup membazirkan wang rakyat dengan sesuka hati tidak akan menjadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab jika akhirnya berijazah tinggi. Sudah tentu ia bukan jenis orangnya yang boleh memperbaiki keadaan sosial atau politik negara. Adalah jelas ilmu tanpa peribadi yang mulia tidak berguna sebenarnya. Penguasaan ilmu perlu disertai dengan pembentukan peribadi yang mulia.

11. Satu fenomena baru yang kita lihat ialah ramainya penuntut wanita berbanding penuntut lelaki di universiti, sedangkan dalam masyarakat peratusan lelaki dan wanita lebih kurang sama. Kita perlu selidik apakah sebabnya dan mengatasi sebab ini berlaku. Kita perlu kepada semua tenaga manusia untuk pembangunan negara kita. Kurangnya jumlah lelaki yang berpelajaran dan berilmu berbanding dengan wanita tetap akan menghalang pembangunan dan mengurangkan kualiti tenaga untuk memajukan negara. Lagipun ia akan membawa masalah sosial kemudian yang sukar untuk diatasi.

Janganlah kita terima keadaan penuntut wanita dan lelaki yang tidak seimbang peratusannya sebagai perkara biasa yang tidak perlu di ambil berat.

12. Seperka lagi yang perlu difaham ialah universiti ditubuh untuk kepentingan pelajar. Tetapi ada yang berpendapat bahawa penubuhan sesebuah universiti baru bertujuan untuk mengadakan peluang pekerjaan bagi pihak tertentu.

13. Memanglah tenaga pengajar diperlukan untuk universiti. Tetapi mereka hendaklah terdiri daripada yang layak dan berkualiti. Jika kepentingan penuntut diabaikan kerana ingin memberi jawatan kepada pihak tertentu walaupun pihak itu tidak layak atau kurang layak berbanding dengan pihak yang lain maka akan rugilah pelaburan yang dibuat untuk mengadakan universiti, dan akan rugilah penuntut.

14. Sementara universiti mengutamakan penerapan ilmu oleh penuntut, tenaga pengajar pula perlu menggunakan sebahagian daripada masa mereka untuk mempertingkatkan lagi kelayakan mereka. Dengan perkataan lain mereka perlu kejar kelayakan yang lebih tinggi. Lebih tinggi kelayakan tenaga pengajar lebih terserlahlah universiti berkenaan.

15. Penyelidikan yang mendalam perlu dilakukan oleh tenaga pengajar sepanjang masa. Walau pun sukar ditentukan, penyelidikan oleh tenaga pengajar hendaklah original dan tinggi sehingga mungkin memenangi hadiah-hadiah antarabangsa seperti Nobel Prize atau yang hampir sama dengannya.

16. Ini bukan mustahil. Masih terdapat banyak bidang yang perlu dikaji dan diselidik secara mendalam untuk menghasilkan penemuan maklumat-maklumat yang baru yang boleh memperkayakan khazanah ilmu manusia.

17. Malaysia berada di alam tropika, khususnya iklim yang panas dan lembab hutan tropika, dengan hujan yang lebat secara berpanjangan. Sejak zaman revolusi industri semua alatan yang diguna oleh kita di Malaysia dan dimana-mana sahaja, dicipta dan dikeluarkan di negara-negara temperate iklim sederhana dengan cuaca yang sejuk, kering dan bermusim. Semua alatan-alatan ini sesuai dengan iklim sejuk kering temperate ini. Ia tidak mengambilkira keadaan panas, lembab dengan hujan yang lebat. Penerokaan yang mengambilkira iklim istimewa di negara kita memberi peluang kepada kita untuk mencipta alat-alatan yang sesuai dengannya. Tetapi sehingga kini kita terpaksa guna alatan ciptaan untuk iklim temperate kerana tidak ada kajian terhadap penciptaan dan pengeluaran alatan yang lebih sesuai untuk diguna dalam iklim panas dan lembab kita.

18. Alam sekeliling kita juga istimewa, dengan tanah daratan, gunung-ganang dan lautan yang amat berbeza daripada negara-negara lain terutama negara temperate. Tumbuh-tumbuhan dan kehidupan di lautan kita juga istimewa dan perlu dikaji untuk menambah pengetahuan kita dan dengan pengetahuan ini menjadikan kehidupan kita lebih selesa.

19. Di sebuah universiti di Malaysia kajian yang mendalam sedang dibuat berkenaan kehidupan laut. Daripada kajian ini kita dapat membiakkan ikan dan lain-lain untuk menentukan bekalan makanan kita lebih baik dan terselamat. Di universiti-universiti lain, bahkan di universiti ini juga kajian sedang dibuat. Tetapi tumpuan kepada kegiatan kajian perlu ditingkatkan lagi supaya universiti tertentu akan dikenali kerana

kepakarannya dalam bidang-bidang tertentu. Ia juga akan menjadi negara kita Malaysia terkenal sebagai pusat kajian dan punca kemajuan ilmiah tertentu. Hasrat yang patut ada pada universiti-universiti di Malaysia ialah supaya dikenali dan terkenal kerana ilmu tertentu yang mendalam yang ada pada masing-masing.

20. Kita berada di zaman bioteknologi, iaitu ilmu berkenaan dengan kehidupan haiwan dan tumbuh-tumbuhan semulajadi yang boleh dipergunakan melalui teknologi moden. Malaysia pula dianggap sebagai di antara sepuluh negara yang terkaya di dunia kerana sumber alam yang boleh dijadikan asas bioteknologinya. Janganlah sekali lagi kekayaan yang ada pada kita dieksploitasikan oleh orang lain. Kemungkinan ini berlaku memang terdapat kerana kita kekurangan pakar sains dalam bidang ini dan ilmu ini tidak menarik kerana ia tidak menjamin kekayaan yang cepat bagi yang terlibat dengannya. Kekurangan ini perlu diatasi kerana potensi bioteknologi amat besar, terutama untuk perubatan. Kita boleh mungkin mengguna tenaga asing tetapi hendaklah dengan perjanjian yang melindungi kepentingan kita.

21. Sejak zaman dahulu lagi kita menggunakan tumbuh-tumbuhan semulajadi untuk merawat pesakit. Tetapi penggunaan ini tidak berasas kepada kajian yang saintifik. Ia berasas kepada pengalaman dan pengetahuan orang tertentu. Kerap kali ilmu yang ada pada mereka ini hilang apabila mereka tidak ada lagi. Ini adalah satu kerugian besar.

22. Universiti-universiti di Malaysia perlu membuat kajian secara saintifik akan pengakuan-pengakuan yang dibuat berkenaan dengan bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan yang didakwa dapat mengubati penyakit-penyakit tertentu umpamanya. Desakan ini telah dibuat lama dahulu. Tetapi sambutan terhadap keperluan membuat kajian ini tidak menggalakkan. Universiti-universiti juga tidak menyambut cadangan ini. Sebaliknya di negara asing ujian akan mustajab atau tidaknya ubat-ubat ini bukan sahaja sudah dan masih di buat tetapi banyak sudah ubat-ubat ini dikeluarkan dan dipasarkan.

23. Kerana iklim negara kita sedemikian tumbuh-tumbuhan ini terdapat secara semulajadi. Tetapi kita tahu daripada hanya sedikit tisu, pokok-pokok ini boleh dibiakkan dan kajian di buat serta hasil dipasarkan. Jika kita tidak berjaga-jaga tumbuh-tumbuhan milik kita tidak akan kekal sebagai harta pusaka kita. Ingatlah bagaimana beras Basmati cuba dijadikan Intellectual Property penyelidik di Amerika Syarikat. Tidaklah mustahil jika melalui "tissue culture" kekayaan punca biologi kita akan memperkayakan orang lain dan bukan kita.

24. Kerjasama antara universiti dengan pihak swasta diperlukan kerana swasta boleh mengkomersilkan hasil kajian universiti. Kita berjaya membangunkan industri getah dan kelapa sawit kerana penglibatan swasta secara meluas. Sekarang kita perlu ada ladang-ladang tumbuh-tumbuhan yang boleh mengeluarkan bahan-bahan untuk kegunaan perubatan dan industri-industri lain.

25. Tidak ada negara di dunia yang begitu utamakan pelajaran dan penguasaan ilmu. 25% daripada belanjawan negara adalah untuk pelajaran. Daripada peruntukan yang besar ini pelajaran tinggi menelan hampir separuh daripadanya.

26. Amatlah jelas betapa kita hargai ilmu pengetahuan, terutama di peringkat tertinggi. Penghargaan ini bukanlah semata-mata kerana kita ingin meningkatkan pendapatan rakyat di semua lapisan, tetapi kerana rakyat yang terpelajar akan dapat

menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara kita. Kita sedar dan kita tahu hanya bangsa yang berilmu sahaja yang akan dapat mendirikan tamaddun yang cemerlang. Ini terbukti daripada sejarah tamaddun manusia.

27. Sebenarnya bangsa Malaysia tidak kurang berkebolehan daripada bangsa-bangsa lain yang maju di dunia. Tetapi kebolehan semulajadi tidak akan memajukan kita sepenuhnya jika usaha tidak dibuat secara sengaja untuk mencanainya. Satu nikmat kurniaan Tuhan ialah jika kita lakukan sesuatu berkali-kali, tidak dapat tidak kita akan menjadi lebih cekap dalam bidang itu. Kita boleh jadi pakar dunia pun dalam bidang itu.

28. Sesuatu yang diperhatikan ialah semakin lama, manusia menjadi semakin bijak, pandai dan cekap. Manusia seolah-olah dapat mewarisi kebolehan ibu bapa dan nenek moyang. Lebih terpelajar dan cekap ibu bapa, lebih mudah lagilah anak-anak mereka menguasai ilmu dan kecekapan dalam bidang yang sama ataupun bidang lain. Kita boleh ramal bahawa zuriat sesuatu kelamin akan melipatgandakan kepandaian dan kecekapan ibu bapa mereka. Dan segala kebolehan ini akan dilipatgandakan lagi jika usaha dibuat untuk mempertingkatkan kebolehan anak-anak ini dengan mengulangi pelajaran dan kecekapan berkali-kali sehingga ia menjadi sesuatu yang hampir semulajadi.

29. Kita tahu bagaimana mudahnya anak kepada pengukir kayu menguasai kecekapan mengukir. Sebaliknya anak kepada seorang doktor perubatan umpamanya tidak akan menguasai kecekapan mengukir seperti anak pengukir. Mungkin dengan usaha berulang kali ia dapat memperolehi kecekapan tetapi tidak sebaik anak pengukir. Tentu ada sesuatu yang diwarisi oleh anak yang menolongnya menguasai kecekapan ibu dan ayah.

30. Daripada ini kita boleh buat kesimpulan bahawa apabila kita mengejar dan menuntut sesuatu ilmu, kita juga menolong menjayakan zuriat kita. Bumiputra yang tidak berbudaya komersil boleh menjadi bangsa yang cekap dalam bidang ini jika usaha tegas dibuat oleh generasi sekarang untuk menguasai dan mengamal segala yang perlu bagi menjadi peniaga yang cekap. Generasi akan datang tetap akan memiliki kecekapan dan juga budaya yang dikehendaki. Jika rakyat Malaysia terutama bumiputera berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai ilmu-ilmu tertentu sekarang maka mereka akan menyumbang kepada kebahagiaan dan kesejahteraan hidup zuriat mereka. Sudah tentu mereka juga akan menyumbang kepada proses pembangunan tamaddun yang sedang kita berusaha untuk mendirikan.

31. Sesungguhnya universiti mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan negara kita. Universiti yang menjadi terkenal kerana mengeluarkan siswazah yang berkualiti dan berjaya, yang merangkul hadiah-hadiah antarabangsa yang berprestij akan mengharumkan nama bangsa dan negara. Justeru itu tiap anggota universiti, daripada penuntut hingga ke profesor perlulah berusaha supaya dapat kita dirikan tamaddun yang tinggi untuk bangsa dan negara kita yang akan dihormati oleh dunia.

32. Sekali lagi ingin saya ucap berbanyak terima kasih kepada Universiti Malaysia Sarawak yang telah sudi menganugerahkan kepada saya Ijazah Kehormat Doktor Kajian Pembangunan.